

MANHAJ DAN ISTINBAT HUKUM KITAB TAFSIR *RAWĀI AL-BAYĀN FĪ TAFSĪR ĀYAT AL-AḤKĀM MIN AL-QURĀN KARYA MUHAMMAD ‘ALĪ AŞ-ŞĀBŪNĪ: KAJIAN AQWĀL FUQAHĀ’ SURAH AL-BAQARAH*

*Manhaj and Extrapolation Book of Rawāi al-Bayān Fī
Tafsīr Āyat al-Aḥkām Min Al-Qurān by Muhammad ‘Alī
Aş-Şābūnī: Aqwāl al-Fuqahā’ in Surah al-Baqarah verses*

Hasan Jali *

Ahmad Misbah Mohamad Hilmi**

Muhammad Adib Samsudin***

Nor`ainan Bahari****

ABSTRACT

The majority of the writing of tafsīr āyat al-Aḥkām tends to refer to aqwāl al-fuqahā’ of certain schools. However, the book Rawāi al-Bayān which was written in the contemporary century was not influenced by certain aqwāl al-fuqahā’ schools. The objective of this study is to identify the method of writing aqwāl al-fuqahā’ by Muhamad ‘Alī aş-Şābūnī and the influence of aqwāl al-mazāhib in the selection of istinbāt method in Kitab Rawāi al-Bayān. This study is a qualitative one that uses document analysis, especially aqwāl al-fuqahā’ in surah al-Baqarah. This

* Lecturer, Korean Education Centre, Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT). hasan.jali@unikl.edu.my.

** Senior Lecturer, Faculty of Syariah and Law (FSU), Selangor Islamic University (UIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. ahmadmisbah@kuis.edu.my.

*** Senior Lecturer, Fiqh and Usul Cluster, Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, The National University of Malaysia (UKM) 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. adib@ukm.edu.my.

**** Dean, Faculty of Syariah and Law (FSU), Selangor Islamic University (UIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. norainan@kuis.edu.my.

study found that the methodology of aş-Şābūnī in his book is more structured than some other books of al-Aḥkām because it always carries the argument of each aqwāl al-fuqahā' that is quoted whether it is the opinion of the Salaf or the Khalaf Ulama whether rajih or marjūh. The study of istinbāt method in surah al-Baqarah shows that Kitab Rawā'i al-Bayān was influenced by the work of al-Qurṭubī either from the point of reference, istinbāt or tarjīh. Many texts are taken from al-Qurṭubī's works, but aş-Şābūnī does not mention this in his footnotes.

Keywords: Rawā'i al-Bayān; Aş-Şābūnī; Aḥkām; Aqwāl; Fuqaha.

PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan kepada Nabi SAW melalui Malaikat Jibril secara mutawatir. Membaca al-Quran dinilai sebagai ibadat dan merupakan petunjuk bagi manusia khususnya umat Islam. Keistimewaan itu menyebabkan para sahabat berusaha menghafaz serta memahami kandungannya. Para sahabat RA sentiasa bertanya secara langsung kepada Baginda SAW jika terdapat kemusykilan. Baginda SAW adalah penerima pertama wahyu al-Quran dan juga pentafsir pertama.¹ Selepas kewafatan Baginda SAW, para sahabat RA meneruskan pentafsiran al-Quran melalui ijtihad masing-masing. Pentafsiran para sahabat dianggap sebagai tafsir kedua terbaik dalam memahami kebenaran kandungan al-Quran kerana mereka berguru secara terus daripada Rasulullah SAW. Usaha murni itu diteruskan tabiin iaitu anak murid kepada para sahabat RA. Mereka melaksanakannya dengan lebih sistematis. Antaranya termasuklah dengan mendirikan madrasah seperti madrasah Ibn 'Abbās di Makkah, 'Abd Allāh Ibn Mas'ūd di Kufah dan Ubay bin Ka'ab di

¹Hadi Mutamam, "Kontribusi dan Kritik Tafsir Kontemporer." *Jurnal Ushuluddin: Media Dialog Pemikiran Islam* 17, no. 1 (2013): 152-166.

Manhaj dan Istinbat Hukum Kitab Tafsir *Rawāī Al-Bayān Fī Tafsīr Āyat Al-Ahkām Min Al-Qurān* Karya Muḥammad ‘Alī Aṣ-Ṣābūnī: Kajian Aqwāl Fuqahā’ Surah Al-Baqarah

Madinah. Pada zaman itu, muncul penulisan dan pembukuan dalam ilmu tafsir al-Quran.²

Menurut Mannā‘ Khalīl al-Qaṭṭān bahawa zaman pentafsiran terbahagi kepada tiga era. Era pertama disebut sebagai era klasik iaitu pada abad pertama sehingga abad kedua hijrah.³ Seterusnya, era pertengahan yang dimulakan dengan kemunculan karya tafsir yang lebih sistematik di sekitar awal abad ketiga hijrah. Era terakhir adalah zaman moden yang dicetuskan Muḥammad ‘Abduh dan anak muridnya iaitu Muḥammad Rāshīd Ridā sehingga sekarang.⁴ Manakala Muḥammad Quraish Shihab membahagikan zaman pentafsiran al-Quran kepada dua periode. Periode pertama berlaku pada zaman Nabi SAW, sahabat dan tabiin sehingga tahun 150H. Zaman ini terkenal dengan bentuk pentafsiran yang dikenali sebagai *tafsīr bi al-ma’thūr*. Periode kedua pula berlaku pada tahun 150H sehingga sekarang yang terkenal dengan bentuk pentafsiran rasional.⁵

Muncul Muḥammad ‘Alī aṣ-Ṣābūnī sebagai salah seorang ulama moden yang produktif menghasilkan karya agama.⁶ Salah satunya termasuklah *Rawāī al-Bayān fī Tafsīr Āyat al-Ahkām min al-Qurān*. Ia adalah kitab tafsir kontemporari yang terkenal dengan *tafsīr āyat al-Ahkām* dalam perbahasan fiqh.⁷ Menurut Sa‘ad al-Dīn Awnāl, seorang

² Ahmād ibn ‘Abd al-Ḥalīm ibn Ṭāimiyah, *Muqaddimah fī Uṣūl al-Tafsīr* (Riyāḍ: Dār al-Watān, 1995), 13.

³ Muḥammad Ḥusain al-Dhahabi, *al-Tafsīr wa al-Mufassīrūn* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 2003), 32-36.

⁴ Mannā‘ Khalīl al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qurān* (Riyāḍ: Mansyūrāt al-‘Aṣri al-Hadīth, 2004), 333.

⁵ Muhamad Quraish Shihab, *Membumikan al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat* (Bandung: Mizan, 2003), 127.

⁶ Rahmad Sani. "Karakteristik Penafsiran Muhammad Ali Al-Shabuniyah Dalam Kitab Shafwah Al-Tafasir." *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid* 21, no. 1 (2018): 31-39.

⁷ *Tafsīr al-Fiqh* ialah tafsir yang lebih menekankan perhatiannya kepada hukum Islam. Pembukuan tafsir ini berlaku pada abad ke-2H dan terus berkembang dengan kelahiran mazhab dalam fiqh. Antara tafsir dengan corak ini termasuklah *Aḥkām al-Qurān* karya Ahmād ibn ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ (w. 370 H/980 M), *al-Aḥkām al-Qurān* karya Muḥammad ibn ‘Abdallāh ibn al-‘Arabī (w. 543 H/1148 M), *al-Kashshāf ‘an Haqā’iq*

pentahkik kitab *al-Ahkām al-Qurān* karya Abū Ja'far al-Tahāwī menyebutkan bahawa karya aş-Şābūnī adalah kitab tafsir terakhir dalam bidang *tafsīr āyat al-Ahkām*.⁸ Di Malaysia, karya ini dijadikan bahan kajian dan rujukan akademik, kuliah, perbincangan dan rujukan dalam kalangan masyarakat bagi persoalan hukum al-Quran. Ia turut dikaji para sarjana untuk menunjukkan kualiti dan kerelevanannya kepada umat Islam.⁹ Kitab tafsir ini dianggap salah satu karya terbaik dalam bidang *tafsīr āyat al-Ahkām* kerana menggabungkan karya-karya klasik dari aspek kandungan dengan karya moden dari aspek kemudahan uslub tafsir al-Quran.

Majoriti penulisan *tafsīr āyat al-Ahkām* disusun berdasarkan kepada pendapat ulama mazhab.¹⁰ Oleh yang demikian, produk *tafsīr āyat al-Ahkām* mempunyai kecenderungan kepada perkataan ulama mazhab tertentu mengikut pilihan pengarang seperti kitab *Ahkām al-Qurān* karya Muḥammad Ibn ‘Abdallāh ibn al-‘Arabī, *al-Ahkām al-Qurān* karya al-Kiyā al-Harrāsī dan *Ahkām al-Qurān* karya Ahmad Ibn ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ.¹¹ Namun kitab tafsir *Rawā'i al-Bayān* yang ditulis pada abad kontemporari ini tidak terpengaruh dengan pendapat ulama mazhab tertentu, walaupun ketika ini keterikatan dengan mazhab digunakan secara meluas dalam kalangan umat Islam di dunia.

at-Tanzīl karya Mahmūd Ibn ‘Umar al-Zamakhsharī, *Ruḥ al-Ma‘āni fī Tafsīr al-Qurān al-‘āzīm wa al-Sab‘a al-Mathānī* karya Mahmūd Ibn ‘Abd Allāh al-Husaynī al-Ālūsī, *Tafsīr al-Nasafī* (Hanafi) yang dikenali sebagai *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl* karya ‘Abd Allāh Ibn Ahmad al-Nasafī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qurān* (Maliki) karya Muḥammad Ibn Ahmad al-Qurtubī (w. 671 H/1273 M), *Mafātiḥ al-Ghayb* atau *al-Tafsīr al-Kabīr* karya Muḥammad Ibn ‘Umar Ibn al-Husayn Fakhr Ad-dīn Ar-rāzī (Syafii). Lihat Muhammad Quraish Shihab et al., *Sejarah dan Ulum al-Qur'an* (Jakarta: Pustaka Firdaus, 2000), 179-180.

⁸ Sa‘ad al-Dīn Awnāl, *al-Ahkām al-Qurān Abū Ja'far al-Tahāwī* (İstanbul: İسلام Araştırmaları Merkezi, 1995), 7-9.

⁹ Shofaunuha Faizatul Azizah, “Konsep Nusyuz Dalam al-Quran (Studi Terhadap Rawai al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran (Kerja Ilmiah, Jabatan al-Quran dan Tafsir, Fakulti Agama Islam,” Jawa Tengah: Universiti Muhammadiyah Surakarta, 2020), 15.

¹⁰ Muqtī Ali, “Fanatisme Mazhab Dalam Tafsir Hukum Studi Tafsir Ahkam Al-Qur'an Al-Jassas” (Tesis Ph.D, Jabatan Tafsir dan Hadis, Fakulti Usuluddin UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, 2019), 87.

¹¹ Muḥammad ‘Alī Ayāzī, *al-Mufassirūn Hayātuhum wa Manhajuhum* (Teheran: Wazārah al-Tsaqāfah al-Irshād al-Islāmiyy, 1313 H), 110.

Manhaj dan Istinbat Hukum Kitab Tafsir *Rawāī Al-Bayān Fī Tafsīr Āyat Al-Ahkām Min Al-Qurān* Karya Muḥammad ‘Alī Aṣ-Ṣābūnī: Kajian Aqwāl Fuqahā’ Surah Al-Baqarah

AQWĀL FUQAHĀ’ DAN QAWL RĀJIH

Aḥmad Jumu‘ah Wanīsy al-Da‘busy menyatakan bahawa perbezaan pendapat fuqaha dalam hukum Islam akan sentiasa berlaku.¹² Setiap *ikhtilāf* akan mempunyai pendapat yang dianggap kuat. Contohnya hukum seorang isteri nusyuz sama ada diberikan nafkah atau tidak. *Qawl rājiḥ* iaitu pendapat kuat tentang isteri nusyuz yang hamil adalah mereka perlu diberikan nafkah bersama dengan pemberian vitamin, ubatan dan makanan asasi untuk kemaslahatannya. Manakala isteri yang tidak hamil, nafkah tersebut tidak diwajibkan. Pendapat yang kuat tentang seorang perempuan yang ditalak ba`in pula adalah tidak boleh dirujuk kecuali dengan mahar dan akad baharu.

Kamaluddin Safrudin Halimy menyatakan pendapat bahawa ulama mazhab sangat berpengaruh dalam menentukan keputusan akad-akad muamalat pada zaman kontemporari ini.¹³ Akad *wadi‘ah*, *mudārabah*, *murabāhah*, *mushārakah* dan *ijārah* yang menjadi sistem transaksi dalam perbankan adalah mengikut pendapat ulama mazhab atau salaf. Pendapat dominan dalam isu muamalat di nusantara ini adalah *aqwāl* ulama Mazhab Hambali dan Mazhab Maliki.

‘Abdul ‘Ali Khadījah Ibn ‘Atīyyah Fātimah berpandangan bahawa ahli-ahli fiqh berbeza pendapat mengenai amalan ahli Madinah. *Aqwāl* yang kuat menyatakan ijтиhad ahli Madinah adalah sama dengan ijmak, tetapi Mazhab Maliki sebaliknya.¹⁴ Perbezaan juga terjadi dari aspek penghujahan ahli Madinah. Pendapat yang kuat berpendapat

¹² Aḥmad Jumu‘ah Wanīsy al-Da‘busy, “Ahkām Mawāni‘ al-Nafaqah al-Zaujīyyah fi Aqwāl al-Madzāhib al-Fiqhīyyah” (Tesis Ph.D, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2020), 56.

¹³ Kamaluddin Safrudin Halimy, “Fatwa-Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia Tentang Perbankan Syariah Dilihat Dari Sisi Aqwāl Ulama Mazhab” (Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh, Fakulti Syariah, UIN Imam Bonjol Padang Sumatera, 2019), 340

¹⁴ Mazhab Maliki berpendapat bahawa amalan penduduk Madinah terbahagi kepada dua iaitu perbuatan yang bersumber daripada nas dan amal yang bersumber ijtihad. ‘Abdul ‘Ali Khadījah Ibn ‘Atīyyah Fātimah, “‘Abdul ‘Amal Ahl al-Madīnah wa Atharuhu fī Iktilāf al-Fuqahā’” (Tesis Ph.D, Universiti Mohamed Boudiaf, Algeria, 2019), 233.

amalan penduduk Madinah tidak dapat dijadikan hujah, manakala Mazhab Maliki menjadikannya hujah iaitu amalan yang bersumberkan nas. Perbezaan antara jumhur dan Mazhab Maliki dalam penghujahan penduduk ahli Madinah memberi implikasi kepada pelbagai perbezaan hukum dalam aspek syariah seperti ibadat, pernikahan, jenayah dan muamalat.

Mahmūd Ibn ‘Umar al-Zamakhsharī dalam *al-Kashshāf ‘an Haqā’iq at-Tanzīl* banyak menukilkan pendapat fuqaha dalam perbahasan ibadat dan muamalat, kemudian beliau melakukan proses *tarjīh* iaitu mendapatkan pendapat terbaik dari pendapat fuqaha tersebut. Beliau bersetuju dengan pendapat jumhur ulama seperti dalam hukum niat dalam berwuduk, mengusap keseluruhan kepala, masalah puasa dan zakat. Namun, pada sebahagian masalah beliau lebih memilih pendapat Abu Hanifah seperti maknum membaca surah al-Fatihah di belakang imam ketika solat berjemaah. Manakala beliau cenderung memilih pendapat al-Imām Mālik dan Abū Ḥanīfah dalam permasalahan qasar solat.¹⁵

Muhammad ‘Abdullah Zubair Muhammad berpendapat bahawa perbezaan metode penggunaan hukum antara ulama fiqh disebabkan perbezaan pendekatan ulama usul terhadap ayat-ayat perintah dalam al-Quran.¹⁶ Pemahaman kepada teks al-Quran yang bersifat *muṭlaq* iaitu secara umum dan *muqayyad* iaitu secara terbatas juga boleh menjadi asbab perbezaan hukum yang dihasilkan.¹⁷ Manakala teks al-Quran itu sendiri bergantung kepada pendekatan yang dilakukan mufasir. Muhammad Quraish Shihab pula menyatakan bahawa kepelbagaian penggunaan konsep *asbab al-nuzul* iaitu perihal sebab penurunan al-Quran terhadap pentafsiran al-Quran juga dapat menyebabkan hasil

¹⁵ ‘Umar Aḥmad al-Laṭīf al-Fahdāwi, ‘Namuzāj min al-Tarjīḥāt al-Fiqhīyyah li Imām al-Zamakhsharī fī Tafsīrihi al-Kashshāf Muqaranan bi Ārā’ al-Fuqahā’ Dirasāh Waṣfīyyah” (Tesis Ph.D, Universiti al-Jazirah, Syiria 2019), 211.

¹⁶ Muhammad ‘Abdullah Zubair Muhammad, “al-Qurān al-Muta‘alliqah Bidalalat al-Amr wa Atharuhrā fī Ikhtilāf al-Fuqahā” (Disertasi Master, University of the Holy Quran and Islamic Sciences, Sudan, 2018), 177.

¹⁷ Abū Bakr ‘Abdullah Abū Bakr, “Ḥaml al-Muṭlaq ‘ala al-Muqayyad wa Athāruhu fī Ikhtilāf al-Fuqahā” (Disertasi Master, University of the Holy Quran and Islamic Sciences, Sudan, 2018), 135

Manhaj dan Istinbat Hukum Kitab Tafsir *Rawāī Al-Bayān Fī Tafsīr Āyat Al-Ahkām Min Al-Qurān* Karya Muḥammad ‘Alī Aṣ-Ṣābūnī: Kajian Aqwāl Fuqahā’ Surah Al-Baqarah

penjelasan yang berbeza. Penggunaan seperti ini yang diperlakukan dalam karya tafsir beliau iaitu *Tafsir al-Mishbah*.¹⁸

AQWĀL AL-FUQAHĀ’ DALAM KITAB TAFSIR RAWĀĪ AL-BAYĀN

Aqwāl bermaksud beberapa perkataan atau pendapat. Fiqah pula adalah mengetahui sesuatu hukum syarak daripada dalil-dalil terperinci.¹⁹ Orang yang mengetahui hukum digelar faqih manakala jika jumlahnya ramai disebut fuqaha. Kitab tafsir *Rawāī al-Bayān* menghimpun pendapat para mufasir dan ahli fiqh sebagai sumber perbandingan hukum. Menurut Romli SA bahawa kitab tafsir *Rawāī al-Bayān* menggunakan pendekatan antara mazhab.²⁰ Aṣ-Ṣābūnī mengakui karyanya merupakan sebuah gabungan di antara karya-karya ulama tafsir terdahulu dengan ulama tafsir moden.²¹

Begitu juga kitab tafsir *Rawāī al-Bayān* membahaskan tafsir fiqh yang relevan dengan isu semasa secara kontekstual. Lebih 300 masalah hukum yang dibincangkan dalam dua juzuk kitab tafsir ini. Pengarang turut menggunakan kaedah soal jawab dalam menghuraikan hukum syarak. Setiap soalan ditulis secara ringkas dan jelas. Manakala jawapannya dinukil oleh pendapat ulama berserta dalil nas dan rasional daripada mufasir seperti Muḥammad Ibn Jarīr Ibn Yazīd al-Ṭabarī, Fakhr Ad-dīn Ar-rāzī, Ismā’īl Ibn ‘Umar Ibn Kathīr dan beberapa tokoh lain. Ia turut disertakan bersama pemikiran fuqaha seperti al-Imām Abū Ḥanīfah, al-Imām Mālik, al-Imām ash-Shāfi‘ī dan al-Imām Ahmad Ibn

¹⁸ Siti Ngainnur Rohmah, “Penerapan Asbab al-Nuzul dalam Perspektif Muhammad Ali al-Sabuni dan Muhammed Quraish Shihab” (Disertasi Master, Jabatan Tafsir dan Hadis, Fakulti Usuluddin, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, 2018), 279.

¹⁹ ‘Abd al-Karīm Zaydān, *al-Wājīs fī Uṣūl al-Fiqh*, (Beirūt: Muā'sasah al- Risālah, 1994), 8.

²⁰ Romli SA, *Muqaranah Mazahib fil Ushul*, (Jakarta: Gaya Media Pratama, 1999); 7; TM. Hasbi ash-Shiddieqy, *Pengantar Ilmu Perbandingan Mazhab* (Jakarta: Bulan Bintang, 1975), 5.

²¹ Syafril & Fiddian Khairudin. “Paradigma Tafsir Ahkam Kontemporer Studi Kitab Rawai’u Al-Bayan Karya ‘Ali al-Shabunii.” *SYAHADAH: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Keislaman* 5, no. 1 (2017): 107-130.

Ḥanbal.²² Setelah mendapati pelbagai pandangan, lalu pengarang melakukan proses *tarjīh* iaitu memilih satu pendapat yang paling benar.²³ Nukilan pendapat fuqaha berkenaan terdapat dalam manhaj pentafsiran kitab ini pada metode kelapan iaitu bahagian hukum syarak. Dalam subtopik ini aş-Şābūnī membahas masalah hukum syarak yang dihuraikan kepada beberapa tajuk seperti hukum pertama, kedua, ketiga dan seterusnya.²⁴

Aş-Şābūnī memilih enam belas rujukan utama dalam menukil pendapat mufasir dan fuqaha dalam kitab tafsir ini. Menurut ‘Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm Ibn Taimiyah bahawa perbezaan pendapat dalam kalangan ahli fiqh lebih besar dari mufasir.²⁵ Perbezaan pendapat dari sudut agama tidak dikira aib selagi tidak keluar dari ketentuan syarak, namun ia usaha mencari kebenaran dan membuka pintu bagi umat memilih pendapat terbaik.²⁶ Ini dilakukan oleh aş-Şābūnī dengan menukil pendapat dan memilih iaitu dengan melakukan proses *tarjīh* yang terbaik.

Junaidi dalam kajiannya tentang ayat-ayat perkahwinan dalam kitab tafsir *Rawāi al-Bayān* menyatakan bahawa asas pemikiran hukum Islam menurut aş-Şābūnī mengenai persiapan pernikahan adalah kombinasi antara pemikiran hukum dan sosial. Pemikiran hukum dibangunkan dengan merujuk fuqaha sebelumnya. Pemikiran sosial iaitu menghadirkan fakta-fakta sosial sebagai tuntutan kepada prinsip bahawa al-Quran perlu disinergikan dengan keadaan masyarakat.²⁷

²² Junaidi, “Pemikiran Hukum Islam Muhammad ‘Alī Aş-Şābūnī Dalam Kitab Tafsir Rawāi al-Bayān: Studi Analisis Terhadap Ayat-Ayat Perkawinan” (Tesis Ph.D, UIN Sultan Syarief Kasim, Riau, 2019), x.

²³ M. Yusron, *Studi Kitab Tafsir Kontemporer* (Yogyakarta: Penerbit Teras, 2006): 50.

²⁴ Muhammad ‘Alī aş-Şābūnī, *Rawāi al-Bayān fī Tafsīr Āyat al-Āḥkām min Al-Qurān*, (Mekah al-Mukarramah: Dār al-Qurān al-Karīm. 1972): 11.

²⁵ ‘Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm Ibn Taimiyah, *Muqaddimah fī Uṣūl al-Tafsīr*, 38.

²⁶ Muhammad Abū Zuhrah, *Tārikh al-Madhāhib al-Islāmiyyah fī al-Siyāsah wa al-‘Aqāid wa al-Tārikh al-Madhāhib al-Fiqhīyyah*, (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, 2009), 301.

²⁷ Junaidi, “Pemikiran Hukum Islam Muhammad ‘Alī Aş-Şābūnī Dalam Kitab Tafsir Rawāi al-Bayān: Studi Analisis Terhadap Ayat-Ayat Perkawinan,” 98.

Sebagai seorang tokoh mufasir kontemporari, aş-Şābūnī melakukan pembaharuan terhadap metode penggalian hukum demi penyelesaian masalah. Dalam kitab tafsir *Rawāī al-Bayān* ini beliau menggunakan metode kebahasaan (*tariqah al-lughawīyyah*) meliputi kata perintah, kata umum, *mafhūm muwafaqah*, *mafhūm mukhalafah*, *nahyī ṣighah lā an-nāhīyyah*, *naṣ*, dan *ẓāhir*, metode maknawi (*tariqah al-maknawīyyah*) meliputi *qiyās*, *ijmā'*, *al-maṣlahah al-mursalah* dan *ṣadd adz-dzāri'ah*. Adapun kelebihan setiap metode penggalian hukum yang digunakan adalah tidak fanatik terhadap satu mazhab, memberikan wawasan yang luas, bersikap toleransi, menolak sikap yang memusuhi menampilkan fiqah dengan wujud yang sesuai dengan perkembangan zaman.²⁸

Antara hasil metode itu termasuklah pentafsirannya mengenai persoalan haid. Aş-Şābūnī menjelaskan bahawa lafaz *mahiḍ* pada hakikatnya adalah darah haid itu sendiri kerana adakalanya *mahiḍ* juga dertiakan sebagai tempat bagi haid. Itu merupakan jawapan daripada Allah SWT yang menunjukkan kekotoran adalah sifat bagi haid bukan tempat. Seseorang wanita yang masih haid jika ditalak suaminya perlu menjalani iddah selama tiga kali *qurū'* iaitu suci. Beliau mengertikan *qurū'* sebagai haid. Menurutnya, tujuan diadakan ‘iddah adalah untuk mengetahui kebersihan rahim. Sedangkan tanda kebersihan rahim kebiasaanya adalah dengan datangnya haid. Beliau menyamakankan hukum wanita yang sedang haid dan nifas adalah sama seperti orang berhadas besar. Sehingga beberapa hukum orang berjunub itu berlaku juga untuk wanita yang sedang mengalami haid dan nifas seperti perempuan mengalami haid tidak dibenarkan memasuki masjid.²⁹ Perbahasan kitab tafsir *Rawāī al-Bayān* tidak terhad kepada masalah

²⁸ Budi Setiawan, “Metode Istinbat Hukum Studi Analisis Tafsir Rawai Al-Bayan Fi Tafsir Ayat Al-Ahkam Min Al-Quran Karya Muhammad Ali Ash-Shabuni” (Disertasi Master, Institut Ilmu al-Quran, Jakarta 2019), 190.

²⁹ Rizqi Fi’ismatillah, “Penafsiran Ayat-Ayat Haid Dan Implikasinya Terhadap Hukum (Studi Pemikiran Ali Asshabuni Dalam Kitab Rawai’ Bayan),” (Kerja Ilmiah, Institut Islam Negeri (IAIN) Salatiga Jawa Tengah, 2019), 76.

hukum fekah sahaja, tetapi aş-Şābūnī juga banyak menukil perkataan ulama terdahulu dalam perbahasan yang lain³⁰

Walaupun begitu, adakalanya aş-Şābūnī menggunakan pendapat peribadinya seperti penjelasan dalam erti nusyuz iaitu isteri yang derhaka kepada suaminya dalam ketaatan kepada Allah SWT. Beliau berpandangan bahawa suami adalah pemimpin rumah tangga yang berhak memerintah dan melarang isteri selain daripada kewajipannya menjaga serta mendidik keluarganya. Langkah pertama suami dalam menghukum isteri yang nusyuz adalah melalui pendidikan dan nasihat. Kemudian, pengasingan tempat tidur dan terakhir boleh memukul dengan syarat tidak berniat menyakitinya. Bagaimanapun, aş-Şābūnī berpendapat suami yang baik perlu memilih cara dengan tidak memukul.³¹

MANHAJ PENULISAN KITAB TAFSIR *RAWĀI AL-BAYĀN*

Metode penulisan karya aş-Şābūnī dinilai lebih baik daripada kitab tafsir *Aḥkām al-Qurān* karya Abū Bakr Muḥammad Ibn ‘Abdallāh Ibn al-‘Arabī dalam mengurai perbezaan pendapat ulama. Sebahagian perbahasan perbezaan tersebut berlaku secara lengkap dengan alasan manakala terdapat sebahagian yang lain tidak. Aş-Şābūnī sentiasa membawa dalil setiap perkataan sama ada pendapat itu datang daripada ulama terdahulu atau kontemporari serta turut menyertakan dalil yang kuat atau lemah. Metode beliau juga berbeza dengan kitab tafsir *Aḥkām al-Qurān* karya Ahmad Ibn ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ kerana kitab tersebut banyak menggunakan ungkapan *qīla* iaitu dikatakan dalam menukilkan pendapat fuqaha.³² Sedangkan dalam kitab tafsir *Rawāi al-Bayān*, perkataan *qīla* sangat jarang dijumpai. Perkataan *qīla* lazim dinukil dalam kitab-kitab klasik. Ia menunjukkan terdapat pendapat lain, tetapi pemiliknya tidak dinyatakan.

³⁰ Sofyana Jamil, “Metode penafsiran Muhammad ‘Ali Al-Shabuni Terhadap Ayat-Ayat Mutasyabihat dalam Tafsir Shafwah Al-Tafasir” (Disertasi Master, UIN Sunan Gunung Jati, Bandung, 2019), 253

³¹ Shofaunnuna Faizatul Azizah, “Konsep Nusyuz dalam al-Quran (Studi Terhadap Rawai al-Bayan Fi Tafsir Ayat al-Ahkam Min al-Quran),” 20.

³² Muhammad ‘Alī Ayāzī, *al-Mufassirūn Hayātuhum wa Manhajuhum*, 111-112.

Terdapat persamaan metode penulisan antara kitab tafsir *Rawāī al-Bayān* dan *Āyat al-Ahkām* karya Muḥammad ‘Alī al-Sāyis iaitu menggunakan ijtihad sendiri bagi menjawab persoalan hukum syarak dan mengkritik hujah kumpulan Syiah, Mu’tazilah, ahli bid’ah, mazhab Dhahiri dan kumpulan yang dianggap sesat.³³ Aṣ-Ṣābūnī membawa metode dengan menulis perbezaan pendapat fuqaha atau menyenaraikan kesepakatan ulama terhadap permasalahan yang hendak dibahas. Sukar ditemui dalam sesuatu permasalahan hukum yang mempunyai perbezaan dan persamaan pendapat fuqaha. Ini berbeza dengan kaedah Muḥammad ‘Alī al-Sāyis dalam kitab tafsirnya *Āyat al-Ahkām* yang mencampurkan kesepakatan dan perbezaan fuqaha dalam satu masalah hukum.³⁴

Manhaj kitab tafsir *Rawāī al-Bayān* dalam menukil pendapat fuqaha dilihat jujur kerana menyatakan keseluruhananya sama ada yang kuat atau lemah. Menurut Muḥammad Patri Arifin bahawa kitab tafsir itu menulis pendapat fuqaha dengan menampilkan semua hujah mereka tanpa menyembunyikannya.³⁵ Aṣ-Ṣābūnī juga menulis pendapat peribadinya dalam membahaskan isu-isu hukum syarak. Ketika berijtihad, beliau sentiasa mengaitkan satu masalah hukum dengan isu semasa dan menyertakan pendapat ulama moden seperti Muḥammad Rashīd Rīḍā dan Abū al-‘Ala al-Maudūdī. Hal seperti ini dapat dilihat dalam perbahasan isu poligami dan mahar pernikahan.³⁶ Metode penulisan dalam pembahasan hukum dimulakan dengan perkataan ‘*ittafaqa*’ iaitu bersepakat atau *ikhtalafa* iaitu berbeza pendapat. Setiap pandangan disandarkan kepada nukilan yang berkenaan seperti ditulis dengan mengatakan atau *istadalla al-Syāfi‘iyah, al-Hanafiyah, al-Malikiyyah, al-Hanabilah, al-Tabarī, al-Thawri* dan lain-lain.

³³ *Ibid*, 5: 196.

³⁴ ‘Abdullah Ahmād Al-Zuyūt. “Manhaj Muḥammad ‘Alī al-Sāyis fī Kitābibi Āyat al-Ahkām.” *İslami İlimler Dergisi* 9 / 2 (December 2014): 183-214.

³⁵ Muḥammad Patri Arifin, “Rawai’ Al-Bayan Tafsir Ayat Al-Ahkam Min Al-Qur'an Karya Muḥammad ‘Alī Al-Sabūnī (Suatu Kajian Metodologi) (Tesis Master UIN Alauddin Makasar, 2014), 120.

³⁶ Junaidi, “Pemikiran Hukum Islam Muḥammad ‘Alī Aṣ-Ṣābūnī Dalam Kitab Tafsir *Rawāī al-Bayān*: Studi Analisis Terhadap Ayat-Ayat Perkawinan,” 15.

Aş-Şābūnī telus dalam menilai pendapat sama ada kuat atau lemah. Beliau tidak menafikan pendapat lain kerana setiap pendapat itu terbit daripada pemikiran ulama Islam agung yang mempunyai sebab sosial yang melatarinya. Oleh itu, tidak semestinya pilihan pendapat hanya menonjolkan pendapat kuat sahaja, manakala pendapat lemah dinilai tidak penting kepada masyarakat. Beliau tidak memuji berlebihan pendapat dianggap kuat dan tidak pula mengkritik teruk pendapat lemah. Tidak wajar ada pendapat yang dipinggirkan kerana semuanya memiliki konteks zamannya masing-masing.³⁷ Aş-Şābūnī sendiri dalam memilih pendapat ahli fiqah yang tidak berpegang kepada sesuatu mazhab tertentu tetapi berpegang kepada pendapat yang lebih kuat.³⁸

PENGARUH MAZHAB DALAM ISTINBAT HUKUM DARIPADA SURAH AL-BAQARAH

Dalam subtopik hukum-hukum syarak daripada surah al-Baqarah, pengkaji menghitung jumlah perkataan *fuqahā'* yang dipilih aş-Şābūnī dengan perincian seperti berikut: pendapat Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Abī Bakr al-Anṣārī al-Qurṭubī dinukil sebanyak 64 kali, Aḥmad Ibn ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣāṣ dinukil sebanyak 43 kali melalui karya tafsirnya *Aḥkām al-Qurān*, Fakhr al-Dīn al-Rāzī sebanyak 36 kali melalui *al-Tafsīr al-Kabīr*, Abū Bakr Muḥammad Ibn ‘Abdallāh Ibn al-‘Arabī sebanyak 30 kali dengan karya tafsirnya *Aḥkām al-Qurān*, Tafsīr al-Ṭabarī atau *Jāmi’ al-bayān ‘an ta’wīl āy al-Qurān* karya Abū al-Hasan ‘Alī al-Ṭabarī sebanyak 22 kali, Maḥmūd Ibn ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Ālūsī sebanyak 18 kali melalui kitab tafsir *Ruh al-Ma’āni fī Tafsīr al-Qurān al-‘azīm wa al-Sab‘a al-Mathānī*, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘azīm* oleh Ismā‘īl Ibn ‘Umar Ibn Kathīr sebanyak 15 kali, Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad Ibn ‘Abd Allah al-Shawkānī sebanyak 13 kali dengan karya tafsirnya *Faṭḥ al-Qadīr*, ‘Abd al-Rahmān Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad Abū al-Farash Ibn al-Jawzī sebanyak 10 kali dengan kitab tafsirnya *Zād al-Masīr fī Ilm al-Tafsīr*.

³⁷ ‘Abdullah Aḥmad Al-Zuyūt. “Manhaj Muḥammad ‘Alī al-Sāyis fī Kitābibi Āyat al-Aḥkām.” 183-214.

³⁸ M. Yusron, *Studi Kitab Tafsir Kontemporer*, 49-52.

Beberapa fuqaha lain yang dinukilkan menunjukkan kurang daripada 10 kali seperti al-Sayyīd Sābiq, Maḥmūd Ibn ‘Umar al-Zamakhsharī, Muḥammad ‘Alī al-Sāyis dan lain-lain. Daripada semua pilihan *aqwāl* yang dinukil, al-Qurtubī adalah tokoh paling banyak disebut. Daripada 64 nukilan pendapat di atas, aṣ-Ṣābūnī menyalin sebanyak 58 teks yang sama sepertimana dalam kitab asal *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qurān* karya al-Qurtubī. Hanya sebanyak 2 nukilan sahaja tidak sama. Manakala sebanyak 4 nukilan lain tidak dijumpai dalam kitab asal. Daripada sebanyak 58 nukilan itu pula, aṣ-Ṣābūnī melakukan kesalahan dengan menyebut nama yang bukan pemilik pendapat sebanyak 12 kali. Itu bukan pendapat peribadi al-Qurtubī, tetapi nukilan ulama lain seperti al-Imām Mālik, Abū Bakr Muḥammad Ibn ‘Abdallāh Ibn al-‘Arabī, Qatādah Ibn Di‘āmah as-Sadūsī, Abū Bakar Ibn Huwaiz Ibn Mandād dan Abū ‘Umar Ibn ‘Amr Ibn al-Hārith Ibn Ghaimān.

Terdapat juga nukilan tidak lengkap pemahamannya kerana aṣ-Ṣābūnī hanya menyalin sedikit daripada beberapa teks asal seperti perkataan *al-akhar* dalam kitab asal, aṣ-Ṣābūnī menulis dengan kata *al-Jumhur*. Secara umum banyak teks dalam kitab aṣ-Ṣābūnī yang tidak disebutkan nota kakinya, walhal ia terdapat di dalam kitab tafsir al-Qurtubī. Tindakan tidak berhati-hati aṣ-Ṣābūnī ditunjukkan juga apabila menukil satu hadis yang dinyatakan asing oleh al-Qurtubī. Kaedah penukilan aṣ-Ṣābūnī adalah menyalin sepertimana teks asal dalam kitab tafsir al-Qurtubī. Sangat sedikit nukilan dilakukan aṣ-Ṣābūnī menggunakan bahasa sendiri, malah majoriti nukilan adalah seratus peratus menggunakan teks asal yang sama.

PENGARUH IMAM AL-QURTUBI DALAM ISTINBAT HUKUM DARIPADA SURAH AL-BAQARAH

Jadual nukilan pendapat al-Qurtubī dalam surah al-Baqarah daripada kitab *Rawāi al-Bayān fī Tafsīr Āyat al-Ahkām min Al-Qurān* karya aṣ-Ṣābūnī adalah seperti berikut:

Jadual 1.0. Pembahagian Topik Surah al-Baqarah

Bil.	Topik	Ayat	Jumlah Nukilan	Perkara
1.	Sihir	101 - 103	3	Tiga nukilan teks yang sama. Satu nukilan adalah perkataan al-Imām Mālik yang dinukil al-Qurtubī.
2.	Nasakh Al-Quran	106-108	3	Dua nukilan teks yang sama. Satu nukilan tidak sempurna. Bahagian tengah dihilangkan. As-Šābūnī hanya menukil bahagian awal dan sedikit di akhir sehingga pemahaman teks kurang sempurna.
3.	Menghadap Kaabah Ketika Solat	142-145	4	Dua nukilan teks yang sama. Satu nukilan tidak dijumpai huraian dalam kitab asal tentang perincian dalil tentang masalah yang disebutkan iaitu kaedah menghadap kiblat sama ada dengan 'ain atau arah Kaabah. Satu nukilan lagi tidak lengkap sehingga pemahamannya tidak sempurna. Satu nukilan teks lagi yang sama tetapi sebenarnya ia adalah pandangan Yaḥyā Ibn Sharaf al-Nawawī.
4.	Sa`i	158	2	Satu nukilan teks yang sama. Satu nukilan lagi tidak ditemukan dalam kitab asal.
5.	Makanan Halal Dan Haram	172-173	7	Dua nukilan hadis tidak lengkap. Nukilan <i>ahlu al-`Ilmi</i> dalam teks asal ditukar kepada fuqaha oleh as-Šābūnī. Satu nukilan teks sama, tetapi as-Šābūnī menambahkan perkataan <i>ya'kalu</i> (dimakan), sehingga ertiannya lebih dapat difahami. Nukilan lain bukan <i>qawl al-Qurtubī</i> . Tetapi al-Qurtubī menukil pendapat Imam Ibnu Huwaiz Mindad sebanyak dua kali. Namun nukilannya tidak lengkap sehingga pemahamannya kurang sempurna. Nukilan terakhir tidak ditemukan dalam kitab asal.
6.	Qisas	178-179	7	Dalam nukilan ini beberapa bentuk nukilan iaitu menukil hadis dengan lebih tepat dibandingkan al-Qurtubī, nukilan isi yang sama tapi teks tidak sama, nukilan tidak ditemukan, nukilan tidak merujuk kepada yang ditahqiq, terdapat kesalahan tulisan, tidak sempurna, nukilan hadis

Manhaj dan Istinbat Hukum Kitab Tafsir *Rawāī Al-Bayān Fī Tafsīr Āyat Al-Ahkām Min Al-Qurān* Karya Muḥammad ‘Alī Aṣ-Ṣābūnī: Kajian Aqwāl Fuqahā’ Surah Al-Baqarah

				yang telah dikatakan <i>garīb</i> (asing) oleh al-Qutubi. aṣ-Ṣābūnī menukil pendapat al-Qurtubī tapi sebenarnya pandangan Muḥammad Ibn ‘Abdallāh ibn al-‘Arabī.
7.	Puasa Di Bulan Ramadhan	183-187	6	Bentuk nukilan dalam bab ini adalah nukilan yang sama teks tetapi sebahagian adalah pendapat Muḥammad Ibn ‘Abdallāh Ibn al-‘Arabī dan Ibnu Khuwaiz Mandād yang dinukil oleh al-Qurtubī, nukilan tidak dijumpai dalam kitab asal, nukilan teks tidak lengkap sehingga pemahaman kurang sempurna, menulis pendapat jumhur padahal dalam kitab asal disebut <i>al-akhar</i> .
8.	Berperang Dalam Islam	190-195	4	Bentuk nukilan dalam bab ini adalah nukilan teks yang sama tapi sebenarnya pendapat Muḥammad Ibn ‘Abdallāh ibn al-‘Arabī, al-Imām Mālik dan ulama lain yang tidak disebutkan oleh al-Qurtubī, nukilan teks tidak dijumpai.
9.	Haji & Umrah	196-203	4	Bentuk nukilan dalam bab ini adalah nukilan hadis sama tapi teksnya berlainan, nukilan dengan teks sama namun sebahagian teks asal tidak disebutkan sehingga pemahaman kurang sempurna.
10.	Disyariat kannya Perang Dalam Islam	216-218	1	Nukilan teks yang sama.
11.	Khamar & Judi	219-220	2	Bentuk nukilan dalam bab ini adalah teks yang sama tapi ini pendapat imam Qatadah bukan al-Qurtubī, nukilan pendapat Maḥmūd Ibn ‘Abd Allāh al-Ḥusaynī al-Ālūsī tidak dijumpai.
12.	Menikahi Perempuan Musyrik	221	1	Nukilan teks yang sama.
13.	Haid	222-223	4	Bentuk nukilan dalam bab ini adalah nukilan teks yang sama, nukilan bukan pendapat al-Qurtubī tetapi Abū ‘Umar Ibn ‘Amr Ibn al-Ḥārith Ibn Ghaimān yang dinukil al-Qurtubī, nukilan hujah Imam Syafii tidak disebutkan dalam kitab tafsir al-Qurtubī, hanya pendapat Abū Hanifah,

				perbahasan dalam topik ini banyak menukil daripada al-Qurtubī.
14.	Sumpah	224-227	4	Nukilan teks sama seperti dalam kitab al-Qurtubī. Tetapi sebenarnya ia adalah pendapat Muḥammad Ibnu 'Abdallāh ibn al-'Arabī. Manakala nukilan kalimah yang terakhir kepada kitab ahkam al-quran karya Imam al-Qurtubi tidak dapat dikesan.
15.	Talaq	228-231	5	Bentuk nukilan dalam bab ini adalah sama teks dalam kitab asal. Terdapat teks as-Šābūnī yang dinukil tapi tidak disebutkan nota kaki sebenarnya. Ia terdapat dalam kitab tafsir al-Qurtubī.
16.	Susuan	233	2	Nukilan teks sama.
17.	Iddah	234	4	Bentuk nukilan dalam bab ini adalah teks sama, terdapat teks as-Šābūnī yang dinukil tapi tidak disebutkan nota kaki sebenarnya. Ia terdapat dalam kitab tafsir al-Qurtubī, manakala nukilan Yūsuf Ibnu 'Abd Allāh Ibnu Muḥammad Ibnu 'Abd al-Barr tidak dijumpai
18.	Khitbah	235-237	1	Nukilan teks sama.

Rajah di atas menunjukkan perbincangan hukum syarak dalam kitab as-Šābūnī khususnya surah al-Baqarah banyak dipengaruhi al-Qurtubī sama ada rujukan, penggalian hukum atau *tarjīh*. Kesimpulan itu didasarkan kepada beberapa hujah. Pertama, nukilan al-Qurtubī paling banyak dirujuk dibandingkan dengan fuqaha lain. Bahkan terdapat banyak teks diambil daripada karya al-Qurtubī tetapi as-Šābūnī tidak menyebutkan nota kakinya. Khusus untuk pandangan al-Imām Mālik, pengkaji mendapati semuanya dinukil daripada kitab tafsir al-Qurtubī dan sedikit daripada kitab tafsir *Aḥkām al-Qurān* oleh Abū Bakr Muḥammad Ibnu 'Abdallāh Ibni al-'Arabī. Banyak rujukan tokoh tertentu dalam sebuah karya menjadi bukti terdapatnya pengaruh daripada tokoh tersebut.

Ini diperkuat lagi dengan kajian yang dilakukan oleh kajian Abdul Manan terhadap Tafsir al-Azhar karya Malik Karim Amrullah yang dikenali sebagai Hamka. Beliau menyimpulkan idea-idea pembaharuan Hamka dalam tafsir al-Azhar dipengaruhi Muḥammad

‘Abduh kerana terdapat banyak rujukan daripadanya.³⁹ Menurut As-Sayyid Muhammad Alī Iyāsī dalam bukunya yang bertajuk *al-Mufassirūn Hayātuhum wa Manhajuhum*, karya aş-Şābūnī merupakan hasil kombinasi nas dan akal, sedangkan al-Qurtubī cenderung menggunakan *tafsīr bi ar-ra'yī* dalam pentafsirannya.⁴⁰ Nukilan aş-Şābūnī dalam kitab tafsir al-Qurtubī majoritinya adalah rasional. Huraian dan analisis al-Qurtubī disalin semula oleh aş-Şābūnī untuk memperkuat perbincangan hukum antara mazhab atau menolak pandangan fuqaha tertentu. Pengkaji tidak menemui langsung kritikan dilontarkan aş-Şābūnī kepada pendapat al-Qurtubī. Pengkaji menyimpulkan sisi rasional pentafsiran aş-Şābūnī dipengaruhi oleh al-Qurtubī.

Kedua, manhaj penulisan aş-Şābūnī dipengaruhi gaya penulisan al-Qurtubī dengan membawa ayat kemudian ditulis di bawahnya beberapa masalah hukum dengan menukilkan pendapat fuqaha dan memilih hujah yang paling kuat. Antaranya termasuklah meletakkan nama surah dan nombor ayat yang mempunyai persamaan dengan *Tafsīr al-Qurtubī*. Secara umum, kaedah persembahan penulisan isu-isu hukum dalam kitab aş-Şābūnī lebih kurang sama dengan kaedah penulisan al-Qurtubī.⁴¹ Ini ditunjukkan dengan penyalinan teks, analisis serta kesimpulan yang sama.

Ketiga, dalam masalah hukum yang dibincangkan, aş-Şābūnī melakukan *tarjīh* ke atas beberapa pendapat fuqaha. Majoriti *tarjīh* yang dilakukannya adalah dengan menyalin pandangan fuqaha khususnya pandangan al-Qurtubī. Sangat sedikit *tarjīh* beliau tanpa menukil mananya fuqaha. Perkara itu menolak kesimpulan menurut Abdur Razzaq dan Andy Haryono yang menyatakan aş-Şābūnī termasuk dalam kategori

³⁹ Syafi'i, Abdul Manan. "Pengaruh tafsir al-Manar terhadap tafsir al-Azhar." *MIQOT: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman* 38, no. 2 (2014): 263-275.

⁴⁰ Muhammad 'Alī Ayāzī, *al-Mufassirūn Hayātuhum wa Manhajuhum*, 412.

⁴¹ Kajian M. Yusron menyimpulkan al-Şābūni tidak berpegang pada satu mazhab tertentu tetapi berpegang kepada yang lebih kuat dalam melakukan *tarjīh*. Lihat M. Yusron, *Studi Kitab Tafsir Kontemporer*, 49-52.

sebagai *Mujtahid Tarjīh*.⁴² Oleh kerana nukilan aş-Şābūnī adalah menyalin separtimana teks asal kitab karya al-Qurṭubī dalam beberapa *tarjīh*, tidak dapat dinafikan pandangannya mempengaruhi aş-Şābūnī.

RUMUSAN

Aş-Şābūnī mempunyai karya *Tafsīr Āyat al-Ahkām* terbaik dan dipuji ramai ahli akademik dan masyarakat. Ini disebabkan bahasa yang digunakan mudah sehingga dijadikan rujukan ilmu dan hukum. Manhaj pemilihan pendapat fuqaha dalam kitab *Rawā'i al-Bayān* juga dilihat telus dan jujur. Nukilan *aqwāl al-fuqahā'* disebutkan pemilik pendapat beserta dalilnya sama ada yang nas atau rasional. Kitab ini menyenaraikan banyak pendapat fuqaha di dalamnya dan paling banyak adalah pendapat al-Qurṭubī. Oleh demikian, tidak dinafikan pengaruh beliau kepada karya aş-Şābūnī seperti penulisan, *tarjīh*, pujian, istinbat hukum dan lain-lain. Walaupun gaya penulisan aş-Şābūnī dipengaruhi pendapat al-Qurṭubī yang bermazhab Maliki, namun penggalian hukum tidak cenderung kepada keterikatan kepada satu-satu mazhab. Beliau tidak memuji berlebihan setiap pendapat al-Qurṭubī. Pandangan al-Qurṭubī diterima disebabkan dalil dan hujah yang dinilai lebih kuat dan rasional. Pendekatan istinbat hukum fiqh yang tidak cenderung untuk terikat kepada satu-satu mazhab menunjukkan manhaj dan istinbat yang sangat sesuai digunakan dalam rujukan tafsir al-Quran.

RUJUKAN

- 'Abd al-Karīm Zaydān. *Al-Wājīs fī Uṣul al-Fiqh*. Beirüt: Muā'sasah al-Risālah. 1994.
- Abdur Razzaq & Andy Haryono. "Analisis Metode Tafsir Muhammad Ash-Shabuni dalam Kitab Rawā'i' al-Bayān." *Jurnal Wardah* 18, No. 1. 2017.
- Abū Bakr, Abū Bakr 'Abdullah. "Haml al-Muṭlaq 'ala al-Muqayyad waathāruhu fī Ikhtilāf al-Fuqahā'." Disertasi Master. University of the Holy Quran and Islamic Sciences, Sudan. 2018.

⁴² Abdur Razzaq & Andy Haryono, "Analisis Metode Tafsir Muhammad Ash-Shabuni dalam Kitab rawā'i' al-Bayān." *Jurnal Wardah* 18, no. 1 (2017): 48-59.

Manhaj dan Istinbat Hukum Kitab Tafsir *Rawāī Al-Bayān Fī Tafsīr Āyat Al-Ahkām Min Al-Qurān* Karya Muhammad ‘Alī Aṣ-Ṣābūnī: Kajian Aqwāl Fuqahā’ Surah Al-Baqarah

Aḥmad Al-Zuyūt, ‘Abdullah. “Manhaj Muḥammad ‘Alī al-Sāyis fī Kitābībī Āyat al-Ahkām.” *İslami İlimler Dergisi* 9/2, December 2014.

‘Ali Khadījah Ibn ‘Atīyyah Fātimah. “‘Abdul. ‘Amal Ahl al-Madīnah wa Atharuhu fī Iktilāf al-Fuqahā’.” Tesis Ph.D, Universiti Mohamed Boudiaf, Algeria. 2019.

Ali, Muqtī. “Fanatism Mazhab Dalam Tafsir Hukum Studi Tafsir Ahkam Al-Qur'an Al-Jassas.” Tesis Ph.D. Jakarta: UIN Syarif Hidayatullah. 2019.

Ayāzī, Muḥammad ‘Alī. *Al-Mufassirūn Hayātuhum wa Manhajuhum*. Teheran: Wazārah al-Tsaqāfah al-Irshād al-Islāmiyy, 1313H.

Badriyah, Laila. "Kajian Terhadap Tafsir Rawa'i al-Bayan: Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran Muhammad Ali ash-Shabuni." *Syaikhuna: Jurnal Pendidikan dan Pranata Islam* 8, No. 1. 2017.

Al-Dhahabi, Muḥammad Ḥusain, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*. Juzuk 1. Kaherah: Maktabah Wahbah. 2003.

Faizatul Azizah, Shofaunnuha. “Konsep Nusyuz Dalam al-Quran (Studi Terhadap Rawai al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran.” Kerja Ilmiah. Kerja Ilmiah, Jabatan al-Quran dan tafsir, Fakulti Agama Islam. Jawa Tengah: Universiti Muhammadiyah Surakarta. 2020.

Al-Fahdāwi, ‘Umar Aḥmad al-Laṭīf. “Namuzāj min al-Tarjīḥāt al-Fiqhīyyah li Imām al-Zamakhsharī fī Tafsīrihi al-Kashshāf Muqaranan bi Ārā' al-Fuqahā’ Dirasāh Waṣfiyyah.” Tesis Ph.D, Universiti al-Jazirah, Syiria. 2019.

Fi'ismatillah, Rizqi. “Penafsiran Ayat-Ayat Haid Dan Implikasinya Terhadap Hukum (Studi Pemikiran Ali Asshobuni Dalam Kitab Rawai' Bayan). Kerja Ilmiah, Institut Islam Negeri (IAIN) Salatiga, Jawa Tengah. 2019.

Halimy, Kamaluddin Safrudin. “Fatwa-Fatwa Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia Tentang Perbankan Syariah Dilihat Dari Sisi Aqwal Ulama Mazhab.” Tesis Ph.D. UIN Imam Bonjol, Padang Sumatera. 2019.

Humaedi. “Metodologi Pentafsiran Ayat Hukum al-Baghawi dalam Maalim al-Tanzil.” Tesis Ph.D, Universiti Malaya. 2006.

- Ibn Taimiyyah, Aḥmad Ibn ‘Abd al-Ḥalīm, *Muqaddimah fī Uṣūl al-Tafsīr*. Riyāḍ: Dār al-Watan. 1995.
- Jamil, Sofyana. “Metode Penafsiran Muhammad ‘Ali Al-Shabuni Terhadap Ayat-Ayat Mutasyabihat dalam Tafsir Shafwah Al-Tafasir.” Disertasi Master, UIN Sunan Gunung Jati, Bandung. 2019.
- Jumu‘ah Wanīsy al-Da‘ūbiyah, Aḥmad. “Aḥkām Mawāni‘ al-Nafaqah al-Zaujīyyah fi Aqwāl al-Madzāhib al-Fiqhīyyah.” Tesis Ph.D, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta. 2020.
- Junaidi. “Pemikiran Hukum Islam Muḥammad ‘Alī Aṣ-Ṣābūnī Dalam Kitab Tafsir Rawāī al-Bayān: Studi Analisis Terhadap Ayat-Ayat Perkawinan.” Tesis Ph.D, UIN Sultan Syarief Kasim, Riau. 2019.
- Khalid, M. Rusydi. "Metodologi Kitab Ma ‘alim al-Tanzil Karya Al-Bagawiy." *Jurnal Adabiyyah* 17, No. 2. 2017.
- Muhammad Abū Zuhrah. *Tārikh al-Madhāhib al-Islāmīyyah fi al-Siyāsah wa al-‘Aqāid wa al-Tārikh al-Madhāhib al-Fiqhīyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy. 2009.
- Muhammad Quraish Shihab et al. *Sejarah dan Ulum al-Qur’ān*. Jakarta: Pustaka Firdaus. 2000.
- Muhammad Quraish Shihab. *Membumikan al-Quran: Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Mizan. Cet. Ke-26. 2003.
- Muhammad, Muhammad ‘Abdullah Zubair. “Al-Qurān al-Muta‘alliqah Bidalalat al-Amr wa atharuhrā fī Ikhtilāf al-Fuqahā’.” Disertasi Master, University of the Holy Quran and Islamic Sciences, Sudan. 2018.
- Mutamam, Hadi. "Kontribusi dan Kritik Tafsir Kontemporer." *Jurnal Ushuluddin: Media Dialog Pemikiran Islam* 17, No. 1. 2013.
- Patri Arifin, Muhammad. “Rawai’ Al-Bayan Tafsir Ayat Al-Ahkam Min Al-Qur’ān Karya Muhammad ‘Ali Al-Sabuni (Suatu Kajian Metodologi).” Tesis Master UIN Alauddin Makasar. 2014.
- Al-Qaṭṭān, Mannā‘ Khalīl. *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qurān*. Riyāḍ: Mansyūrāt al-‘Asri al-Hadīth. 2004.
- SA, Romli. *Muqaranah Mazahib fil Ushul*. Jakarta: Gaya Media Pratama. 1999.
- Saad Abd. Rahman, Mat. *Pengantar Tafsir Ayat-ayat Hukum*. Selangor: Ikatan Studi Islam UKM. 1983.

- Manhaj dan Istinbat Hukum Kitab Tafsir *Rawāī Al-Bayān Fī Tafsīr Āyat Al-Ahkām Min Al-Qurān* Karya Muḥammad ‘Alī Aṣ-Ṣābūnī: Kajian Aqwāl Fuqahā’ Surah Al-Baqarah
- Sa‘ad al-Dīn Awnāl. *Al-Ahkām al-Qurān Abū Ja‘far al-Tahāwī*. Istanbul: Islam Araştırmaları Merkezi. 1995.
- Sani, Rahmad. "Karakteristik Penafsiran Muhammad Ali Al-Shabuniy Dalam Kitab Shafwah Al-Tafasir." *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid* 21, No. 1. 2018.
- Ash-Shiddieqy TM. Hasbi. *Pengantar Ilmu Perbandingan Mazhab*. Jakarta: Bulan Bintang. 1975.
- As-Ṣābūnī, Muḥammad ‘Alī. *Rawāī al-Bayān Fī Tafsīr Āyat al-Ahkām Min Al-Qurān*. Mekah al-Mukarramah: Dār al-Qurān al-Karīm. 1972.
- Setiawan, Budi. “Metode Istinbat Hukum Studi Analisis Tafsir Rawai Al-Bayan fi Tafsir Ayat Al-Ahkam min Al-Quran Karya Muhammad Ali Ash-Shabuni.” Disertasi Master, Institut Ilmu al-Quran, Jakarta. 2019.
- Siti Ngainnur Rohmah. “Penerapan Asbab al-Nuzul dalam Perspektif Muhammad Ali al-Sabuni dan Muhammad Quraish Shihab.” Disertasi Master, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta. 2018.
- Syafril & Fiddian Khairudin. “Paradigma Tafsir Ahkam Kontemporer Studi Kitab Rawai’u Al-Bayan Karya ‘Ali al-Shabunii.” *SYAHADAH: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Keislaman* 5, No. 1. 2017.
- Yusron, M. *Studi Kitab Tafsir Kontemporer*. Yogyakarta: Penerbit Teras. 2006.